

Headline	Dominasi THT berakhir		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	21 Feb 2017	Readership	509,000
Circulation	160,000	Page No	53
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	764 cm ²		
PR Value	RM 39,096		



Dominasi THT berakhir

Foto : FACEBOOK KONFEDERASI HOKI MALAYSIA

KLHC juara baharu TNBMHL

DOMINASI Pasukan Hoki Terengganu (THT) dalam saingan Liga Perdana Hoki Malaysia TNB (TNBMHL) akhirnya terhenti apabila tunduk kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dalam perlawanan terakhir liga kelmarin.

THT yang sebelum ini menjadi juara tiga tahun berturut-turut dari tahun 2014 hingga 2016 terpaksa akur dengan kehebatan KLHC yang membenam mereka 3-2.

Kemenangan KLHC itu sekali gus merampas kembali kejuaraan yang gagal dipertahankan beberapa tahun lalu selain melebarkan rekod kejuaraan kepada sembilan kali.

THT yang dilabel pilihan terpaka akur menjadi naib juara dengan mengumpul 33 mata berbanding KLHC 36 mata.

Saingan sengit

Dalam aksi ibarat final kelmarin, KLHC tidak menunggu lama untuk menjaringkan gol pertama menerusi Dedy Ariyadi Jurnaidi seawal minit ketujuh.

Kelebihan itu, bagaimanapun, tidak kekal lama apabila THT berjaya meledak gol penyamaan 1-1 menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan oleh Jang Jong Hyun pada minit kesembilan.

THT memiliki dua peluang terbaik untuk mendahului pada suku kedua tetapi gagal menewaskan ketangkasannya penjaga gol KLHC, Roslan Jamaluddin.

Roslan bertindak cemerlang menafikan percubaan daripada Azlan Misron dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd. Jalil, masing-masing pada minit ke-26 serta 28.



Pemain KLHC meraikan kejayaan menjuarai TNBMHL musim ini.



Dedy menjaringkan gol pertama KLHC minit ke-7.

THT pula memanfaatkan sepenuhnya kekalutan di depan gawang THT untuk menjadikan kedudukan 2-1 menerusi gol padang Nabil Fiqri Mohd Noor pada minit ke-51.

THT sekali lagi bangkit menyamakan kedudukan 2-2 menerusi Tengku Ahmad Tajuddin hasil pukulan sudut penalti pada minit ke-51.

Tonggak import dari Jerman,

Anton Poul Fritz Ebeling, muncul wira KLHC apabila meledak gol kejemanangan 3-2 menerusi pukulan sudut penalti hujung perlawanan.

Kemenangan manis

Ketua Jurulatih KLHC, Muhammad Harun Al-Rashid Samri berkata, ia kejayaan manis buat skuad kendaliannya yang kali terakhir muncul juara liga empat tahun lalu.

"THT sebuah pasukan yang kuat tetapi strategi saya malam ini menjadi. Pemain-pemain mengekalkan semangat dan keyakinan untuk perlawanan ini."

"Saya pernah kalah dengan THT dalam saingan Piala Tan Sri P Alagendra musim ini. Ini kejemanangan manis buat kami," katanya.

Sementara itu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengesahkan tempat ketiga saingan TNBMHL musim ini milik mereka selepas menjinakkan Tenaga Nasional



HARI INI

KLHC Iwn TNB
(Std Hoki Tun Razak, 6 ptg)

THT Iwn UniKL
(Std Hoki Tun Razak, 8 mm)

KEDUDUKAN TNBMHL

	M	S	K	Mt
KLHC	11	3	0	36
THT	10	3	1	33
UniKL	8	2	4	26
TNB	7	4	3	25
Maybank	6	1	7	19
TNB Thunderbolt	4	1	9	13
SSTM	1	2	11	5
UiTM	0	2	12	2

Berhad (TNB) 1-0.

Gol tunggal pasukan bimbingan Arul Selvaraj itu dijaringkan oleh Muhammad Najmi Farizal Jazlan selepas menyempurnakan pukulan sudut penalti pada minit ke-12.



THT gagal mempertahankan kejuaraan dimenangi tiga tahun berturut-turut.



UniKL berpuas hati di kedudukan ketiga selepas menewaskan TNB.